



SMARTMEDIC Shield¹ + SMARTMEDIC Shield Plus¹

Perlindungan perubatan menyeluruh untuk jagaan
kesihatan anda



Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad adalah ahli PIDM.

¹PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

SmartMedic Shield + SmartMedic Shield Extender

Perlindungan perubatan menyeluruh untuk jagaan kesihatan anda

Kos perubatan dan halangan kesihatan merupakan isu yang berlarutan sejak sekian lama. Oleh itu, anda perlu sentiasa memastikan bahawa anda dilindungi sebaiknya dengan perlindungan perubatan yang tepat sekiranya perlu dimasukkan ke hospital.

Dengan SmartMedic Shield, rider insurans perubatan berkaitan pelaburan yang menawarkan anda tiga pilihan Bilik dan Hidangan Hospital berbeza, serta menyediakan manfaat perubatan dan kemasukan hospital menyeluruh bagi membantu anda pulih dengan sebaiknya. Sebagai tambahan, anda boleh memilih tempoh perlindungan sehingga 80 tahun atau 100 tahun hari jadi berikut, membolehkan anda merancang perlindungan perubatan mengikut keperluan peribadi anda.

Selain itu, perlindungan anda boleh ditingkatkan dengan rider pilihan, SmartMedic Shield Extender, yang melanjutkan perlindungan perubatan tahunan anda bagi mengukuhkan jaringan keselamatan peribadi pada saat kritikal.



Manfaat sepintas lalu



**Manfaat perubatan
komprehensif dengan
deduktibel minimum bagi
salah satu hilang upaya**



**Sokongan selepas kemasukan
hospital untuk pemulihan
sepenuhnya**



**Had Tahunan Keseluruhan yang
tinggi tanpa Had Seumur
Hidup Keseluruhan**



**Kenaikan Had Bilik dan
Hidangan Hospital
secara tetap**



**2 pilihan tempoh perlindungan
untuk disesuaikan dengan
keperluan perlindungan anda**



**Rider pilihan bagi melanjutkan
Had Tahunan Keseluruhan anda**



Manfaat perubatan komprehensif dengan deduktibel minimum bagi salah satu hilang upaya

Smart**Medic** Shield membayar balik perbelanjaan yang layak keseluruhan, yang melebihi sebarang deduktibel dan sehingga had yang dinyatakan dalam Rumusan Jadual Perlindungan & Manfaat. Amaun deduktibel bagi rider ini sebanyak RM300 bagi salah satu hilang upaya, iaitu amaun yang perlu dibayar terlebih dahulu sebelum rider membayar baki selebihnya bagi manfaat yang diinsuranskan berkenaan.

Manfaat utama pelan ini termasuk rawatan sebelum dan selepas kemasukan hospital; rawatan kanser pesakit luar, dialisis buah pinggang, rawatan demam denggi dan virus Zika; serta menampung perbelanjaan Unit Rawatan Rapi dan pembedahan. Manfaat bagi rawatan kemalangan kecemasan pesakit luar dan kematian akibat kemalangan turut melindungi anda dan orang tersayang anda daripada kejadian yang tidak dijangka.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Sokongan selepas kemasukan hospital untuk pemulihan sepenuhnya

Jagaan perubatan yang bersesuaian selepas anda keluar hospital sangat penting untuk pemulihan sepenuhnya. Sebab itulah Smart**Medic** Shield melindungi anda bagi rawatan susulan dan jagaan oleh jururawat di rumah yang diperlukan bagi rawatan luka, pernafasan, penjagaan diabetes dan sebagainya seperti ditetapkan pakar yang memberi rawatan.

Selain itu, pelan Smart**Medic** Shield dengan Bilik dan Hidangan Hospital RM400 akan membayar balik bagi kiropraktik, terapi pertuturan atau terapi cara kerja selepas kemasukan hospital yang diberi oleh pakar atau pakar perubatan serta rawatan oleh pengamal perubatan tradisional Cina yang berdaftar sehingga had yang dinyatakan dalam Rumusan Jadual Perlindungan & Manfaat.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Had Tahunan Keseluruhan yang tinggi tanpa Had Seumur Hidup Keseluruhan

Smart**Medic** Shield menawarkan penampungan kewangan yang penting untuk menampung bil perubatan anda dengan Had Tahunan Keseluruhan yang tinggi dan tiada Had Seumur Hidup Keseluruhan. Had Tahunan Keseluruhan akan dibaharui setiap tahun sehingga RM2,000,000, bergantung pada pelan pilihan anda.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Kenaikan Had Bilik dan Hidangan Hospital secara tetap

Bagi meningkatkan perlindungan kewangan anda untuk keperluan perubatan, anda layak menikmati penambahan sebanyak 10% daripada Had Bilik dan Hidangan Hospital pada akhir setiap 3 tahun polisi, dikira bermula dari Tarikh Risiko Berkuat Kuasa Smart**Medic** Shield, sehingga jumlah kumulatif 100% daripada permulaan had Bilik dan Hidangan Hospital.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



2 pilihan tempoh perlindungan untuk disesuaikan dengan keperluan perlindungan anda

Smart**Medic** Shield menyediakan pilihan tempoh perlindungan perubatan sehingga umur 80 atau 100 tahun hari jadi berikut, membolehkan anda merancang kehidupan, berdasarkan keperluan perlindungan anda sendiri.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Rider pilihan bagi melanjutkan Had Tahunan Keseluruhan anda

Bagi mengukuhkan kedudukan kewangan anda semasa menghadapi cabaran perubatan, anda juga boleh memilih untuk melampirkan Smart**Medic** Shield Extender, rider pilihan yang melanjutkan Had Tahunan Keseluruhan bagi pelan Smart**Medic** Shield anda dengan tambahan RM2,000,000.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

Rumusan Jadual Perlindungan & Manfaat

Anda mempunyai fleksibiliti untuk memilih pelan terbaik yang memenuhi keperluan perubatan anda, bergantung pada perbelanjaan dan keperluan anda. Smart**Medic** Shield menawarkan 3 pelan berbeza dengan manfaat perubatan komprehensif:

No.	Manfaat yang Diinsuranskan	Jenis Pelan		
		SMS-150-D (RM)	SMS-250-D (RM)	SMS-400-D (RM)
1	Amaun Deduktibel (bagi setiap hilang upaya) ¹	300		
2	Bilik dan Hidangan Hospital (Had sehari, tiada had bagi bilangan hari)	150	250	400
		Seperti caj yang dikenakan, tertakluk pada had yang dinyatakan di atas.		
3	Unit Rawatan Rapi (Tertakluk pada maksimum 200 hari bagi setiap tahun polisi)	Seperti caj yang dikenakan.		
4	Penambahan pada Had Bilik dan Hidangan Hospital	10% daripada had Bilik dan Hidangan Hospital bagi setiap 3 tahun polisi; sehingga jumlah kumulatif 100% daripada had Bilik dan Hidangan Hospital.		
5	Bekalan dan Khidmat Hospital	Seperti caj yang dikenakan. ²		
6	Bayaran Pembedahan			
7	Dewan Bedah			
8	Bayaran Pakar Bius			
9	Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (2 lawatan sehari)			
10	Ujian Diagnosis Sebelum Kemasukan Hospital (Dalam tempoh 90 hari sebelum kemasukan hospital)			
11	Rundingan Pakar Sebelum Kemasukan Hospital, Rawatan, Ubat yang Ditetapkan dan Pendapat Perubatan Kedua (Dalam tempoh 90 hari sebelum kemasukan hospital)			
12	Rawatan Selepas Kemasukan Hospital (Dalam tempoh 90 hari selepas keluar hospital)			
13	Pemindahan Organ			
14	Bayaran Ambulans			
15	Pembedahan Harian			
16	Jagaan oleh Jururawat di Rumah Selepas Kemasukan Hospital (Dalam tempoh 200 hari selepas keluar hospital)	Seperti caj yang dikenakan, sehingga RM8,000 bagi setiap hilang upaya dan sehingga 200 hari bagi seumur hidup.		

Rumusan Jadual Perlindungan & Manfaat SmartMedic Shield (Sam'b)

No.	Manfaat yang Diinsuranskan	Jenis Pelan		
		SMS-150-D (RM)	SMS-250-D (RM)	SMS-400-D (RM)
17	Kiropraktik, Terapi Pertuturan atau Terapi Cara Kerja Selepas Kemasukan Hospital (Dalam tempoh 200 hari selepas keluar hospital)	Tidak Berkenaan.		Seperti caj yang dikenakan, sehingga RM300 setiap lawatan dan 10 lawatan susulan bagi setiap hilang upaya.
18	Pengamal Perubatan Tradisional Cina Selepas Kemasukan Hospital (Dalam tempoh 200 hari selepas keluar hospital)	Tidak Berkenaan.		Seperti caj yang dikenakan, sehingga RM300 setiap lawatan dan 10 lawatan susulan bagi setiap hilang upaya.
19	Peralatan Perubatan - Perangsang denyutan jantung dan implan defibrilator jantung	Tidak Berkenaan.		Seperti caj yang dikenakan.
	- Alatan lain – Peranti palsu seperti alat pendengaran dan anggota palsu			Seperti caj yang dikenakan, sehingga RM20,000 bagi setiap hilang upaya.
20	Rawatan Kanser Pesakit Luar (termasuk rundingan, ujian pemeriksaan dan ubat yang ditetapkan dibawa ke rumah)	Seperti caj yang dikenakan. ³		
21	Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar (termasuk rundingan, ujian pemeriksaan dan ubat yang ditetapkan dibawa ke rumah)			
22	Rawatan Demam Denggi dan Virus Zika Pesakit Luar			
23	Rawatan Kemalangan Kecemasan Pesakit Luar (Tertakluk pada maksimum 30 hari dari tarikh kemalangan)			
24	Pengimejan Pesakit Luar (MRI/PET) (Tertakluk pada maksimum 30 hari dari tarikh MRI/PET)	Sehingga 5,000 bagi setiap tahun polisi.		
25	Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan Malaysia (Sehari, tertakluk pada maksimum 120 hari bagi setiap tahun polisi)	50		
26	Kanta Intraokular	Maksimum 8,000 untuk seumur hidup.		

Rumusan Jadual Perlindungan & Manfaat SmartMedic Shield (Sam'b)

No.	Manfaat yang Diinsuranskan	Jenis Pelan		
		SMS-150-D (RM)	SMS-250-D (RM)	SMS-400-D (RM)
27	Laporan Perubatan	Seperti caj yang dikenakan, sehingga maksimum RM200 bagi setiap kemasukan, bagi rawatan pesakit dalam atau bagi setiap hilang upaya bagi rawatan pesakit luar.		
28	Had Tahunan Keseluruhan bagi Perkara (2) hingga (27)	1,000,000	1,650,000	2,000,000
29	Had Seumur Hidup Keseluruhan bagi Perkara (2) hingga (27)	Tiada had.		
30	Manfaat Kematian akibat Kemalangan	10,000	15,000	20,000
31	Supreme Assist (Khidmat Bantuan Perubatan Kecemasan)	Menurut peruntukan manfaat dalam perjanjian Supreme Assist.		
32	Car Assistance Programme	Menurut peruntukan manfaat dalam perjanjian Car Assistance Programme.		
SmartMedic Shield Extender (Rider pilihan))				
33	Had Tahunan Keseluruhan	Melanjutkan Had Tahunan Keseluruhan SmartMedic Shield dengan tambahan RM2,000,000.		

Nota:

¹ Syarikat akan membayar balik baki perbelanjaan yang layak ditanggung di bawah manfaat yang diinsuranskan (2) hingga (15) terkumpul bagi salah satu hilang upaya, yang melebihi amaun deduktibel.

² Pembayaran balik Bayaran Munasabah dan Biasa yang konsisten dengan bayaran biasa seperti dikenakan untuk wad atau bilik dan hidangan yang lebih kurang dan dalam lingkungan amaun had harian yang dinyatakan dalam manfaat Bilik dan Hidangan Hospital di bawah pelan yang diinsuranskan.

³ Tertakluk pada Bayaran Munasabah dan Biasa.

Tertakluk pada terma dan syarat.

Jadual Caj Insurans Tahunan

Lelaki

Umur Hari Jadi Berikut yang Dicapai	SmartMedic Shield			SmartMedic Shield Extender
	SMS-150-D (RM)	SMS-250-D (RM)	SMS-400-D (RM)	SMSE (RM)
6 - 10	519	691	1,101	12
11 - 15	517	642	981	12
16 - 20	752	937	1,430	18
21 - 25	783	974	1,486	19
26 - 30	784	975	1,487	19
31 - 35	787	976	1,488	20
36 - 40	825	1,024	1,559	21
41 - 45	978	1,216	1,853	25
46 - 50	1,144	1,422	2,165	30
51 - 55	1,877	2,340	3,561	50
56 - 60	2,254	2,812	4,275	61
61 - 65	3,151	3,936	5,982	85
66 - 70	4,412	5,513	8,374	121
71 - 75*	6,624	8,274	12,566	184
76 - 80*	9,938	12,416	18,849	277
81 - 85*	12,644	15,808	23,960	358
86 - 90*	15,882	19,671	29,516	463
91 - 95*	19,549	24,175	35,549	585
96 - 99*	23,997	29,424	42,764	727

^ Pembaharuan untuk semua pelan.

Jadual Caj Insurans Tahunan (Sam'b)

Perempuan

Umur Hari Jadi Berikut yang Dicapai	SmartMedic Shield			SmartMedic Shield Extender
	SMS-150-D (RM)	SMS-250-D (RM)	SMS-400-D (RM)	SMSE (RM)
6 - 10	504	672	1,072	11
11 - 15	502	624	992	11
16 - 20	633	792	1,262	14
21 - 25	762	953	1,515	17
26 - 30	763	953	1,516	17
31 - 35	800	1,000	1,591	18
36 - 40	897	1,123	1,787	21
41 - 45	1,054	1,317	2,094	26
46 - 50	1,253	1,569	2,490	31
51 - 55	1,551	1,943	3,083	38
56 - 60	1,802	2,259	3,583	45
61 - 65	2,572	3,227	5,117	66
66 - 70	3,670	4,609	7,301	94
71 - 75*	5,508	6,917	10,953	144
76 - 80*	8,267	10,380	16,433	218
81 - 85*	10,617	13,280	20,994	298
86 - 90*	13,404	16,581	25,859	398
91 - 95*	16,583	20,445	31,210	518
96 - 99*	20,419	24,938	37,596	655

^ Pembaharuan untuk semua pelan.

Caj insurans pada halaman sebelumnya hanya digunakan untuk kelas pekerjaan 1 & 2 sahaja. Caj insurans kelas pekerjaan 3 & 4 akan disediakan ejen perkhidmatan anda, jika berkenaan. Caj insurans pada halaman sebelumnya akan dikenakan mengikut umur hari jadi berikut yang dicapai, jantina, status merokok, pekerjaan, keadaan kesihatan dan pelan pilihan anda (mana yang berkenaan). Caj insurans adalah tidak dijamin dan mungkin disemak semula dari semasa ke semasa. Sebarang peningkatan caj insurans, jika ada, akan dilakukan pada ulang tahun polisi dan kami akan memaklumkan anda secara bertulis sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum itu.

Soalan lazim

S: Siapakah yang boleh memohon?

J:

Kategori	Umur Kemasukan	
Hayat yang Diasuranskan	Minimum	6 tahun hari jadi berikut
	Maksimum	70 tahun hari jadi berikut

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

S: Berapakah premium yang saya perlu bayar?

J: Rider ini merupakan rider dengan penolakan unit, iaitu caj insurans akan ditolak daripada jumlah nilai pelaburan polisi anda pada setiap bulan. Namun, anda mungkin perlu membayar premium tambahan untuk memastikan kelangsungan polisi, sekiranya jumlah nilai pelaburan polisi anda tidak mencukupi.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

S: Apakah keadaan lazim yang membuatkan SmartMedic Shield dan/atau SmartMedic Shield Extender boleh ditamatkan?

- J: Keadaan yang lazim termasuk:
- Apabila hayat yang diasuranskan meninggal dunia.
 - Pada ulang tahun polisi apabila hayat yang diasuranskan berumur 80 atau 100 tahun hari jadi berikut, bergantung pada tempoh perlindungan yang dipilih.
 - Apabila polisi asas bagi rider yang dilampirkan telah luput, diserahkan atau ditamatkan.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

S: Adakah saya dilindungi untuk rawatan perubatan yang diterima di luar Malaysia?

J: Anda dilindungi untuk rawatan perubatan yang diterima di luar Malaysia tetapi tertakluk pada maksimum 90 hari berturut-turut jika anda menetap atau melancong di luar Malaysia (kecuali Singapura dan Brunei), serta Bayaran Munasabah dan Biasa yang setara dengan rawatan tempatan di Malaysia.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

S: Adakah saya layak untuk menikmati manfaat cukai?

J: Manfaat yang diterima daripada Smart**Medic** Shield dan Smart**Medic** Shield Extender tidak dikenakan cukai dan premi-um yang dibayar mungkin layak mendapat pelepasan cukai. Namun, manfaat cukai tertakluk pada Akta Cukai Pendapa-tan Malaysia, 1967, dan keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

SmartMedic Shield Plus

Tatkala kecemasan perubatan yang tidak dijangka berlaku, tidak dapat dipastikan apakah keadaan yang mungkin terjadi. Oleh itu, anda hendaklah sentiasa mengukuhkan perlindungan perubatan demi ketenangan fikiran yang lebih baik.

Dengan melampirkan Smart**Medic** Shield Plus – satu rider tambahan pilihan bagi pelan Smart**Medic** Shield, anda boleh mengetepikan amaun deduktibel dan menerima sokongan kewangan tambahan sekiranya kemasukan hospital atau kematian akibat kemalangan berlaku. Sokongan kewangan ini disediakan dalam bentuk perlindungan lanjutan selepas kemasukan hospital, manfaat harian bagi penjaga sebanyak RM150 sehari dan banyak lagi – supaya anda dapat memberi tumpuan penuh untuk pemulihan kerana memiliki perlindungan perubatan.



Manfaat sepintas lalu



**Penepian deduktibel bagi pelan
SmartMedic Shield anda**



**Perlindungan lanjutan bagi
Rawatan Selepas Kemasukan
Hospital SmartMedic Shield**



**Manfaat Harian bagi
Penjaga**



**Elaun Tunai Harian yang
lebih tinggi**



**Perlindungan tambahan bagi
kematian akibat kemalangan**



Penepian deduktibel bagi pelan SmartMedic Shield anda

Smart**Medic** Shield Plus mengetepikan deduktibel sebanyak RM300 di bawah pelan Smart**Medic** Shield anda yang telah dipilih. Dengan ini, anda boleh mengurangkan kerisauan anda sekiranya penyakit atau kecemasan perubatan berlaku.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Prolonged coverage for Post-Hospitalisation Treatment of SmartMedic Shield

Bagi membantu anda pulih sepenuhnya, rider tambahan pilihan ini melanjutkan perlindungan bagi rawatan selepas kemasukan hospital yang ditawarkan Smart**Medic** Shield. Ciri ini membolehkan anda mendapat perhatian perubatan yang diperlukan melangkaui 90 hari, dari hari ke-91 hingga hari ke-200 selepas anda keluar hospital, agar anda berasa tenang sepanjang pemulihan.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Manfaat Harian bagi Penjaga

Sokongan daripada orang tersayang penting sekiranya kemasukan hospital berlaku. Bagi meringankan beban kewangan anda, Smart**Medic** Shield Plus menawarkan manfaat harian bagi penjaga sebanyak RM150 sehari, bagi makanan dan tempat tinggal yang ditanggung penjaga apabila menemani anda di hospital, tertakluk pada maksimum 180 hari bagi setiap tahun polisi.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Elaun Tunai Harian yang lebih tinggi

Jika anda dimasukkan ke hospital kerajaan Malaysia, anda layak menerima Elaun Tunai Harian tambahan sebanyak RM150 sehari selain manfaat Elaun Tunai Harian sedia ada Smart**Medic** Shield, sehingga maksimum 120 hari bagi setiap tahun polisi. Dengan sokongan kewangan tambahan ini, anda boleh berasa tenang sepanjang kemasukan hospital dan memberi tumpuan sepenuhnya untuk pemulihan.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



Perlindungan tambahan bagi kematian akibat kemalangan

Sebaik mana pun perancangan yang dibuat, ia mungkin terganggu sekiranya kecemasan perubatan yang tidak dijangka berlaku. Smart**Medic** Shield Plus menyediakan pembayaran tambahan sebanyak RM20,000 selain manfaat kematian akibat kemalangan sedia ada Smart**Medic** Shield kepada orang tersayang anda – bagi menyokong kewangan mereka jika perkara tidak diingini berlaku.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

Rumusan Jadual Perlindungan & Manfaat

No.	Manfaat yang Diinsuranskan	Jenis Pelan		
		SMSP-150 (RM)	SMSP-250 (RM)	SMSP-400 (RM)
1	Penepian Deduktibel	Deduktibel sebanyak RM300 di bawah Smart Medic Shield akan diketepikan.		
2	Rawatan Selepas Kemasukan Hospital	Seperti caj yang dikenakan, dari hari ke-91 hingga ke-200 selepas keluar hospital.		
3	Manfaat Harian bagi Penjaga (Had sehari, tertakluk pada maksimum 180 hari bagi setiap tahun polisi)	150		
4	Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan Malaysia (Sehari, tertakluk pada maksimum 120 hari bagi setiap tahun polisi)	150		
5	Manfaat Kematian Akibat Kemalangan	20,000		

Nota:

¹ Perkara (2) hingga (4) yang dinyatakan dalam jadual di atas tertakluk pada Had Tahunan Keseluruhan bagi Smart**Medic** Shield, seperti yang mungkin dilanjutkan melalui sebarang rider lain.

² Setiap pelan Smart**Medic** Shield hanya membenarkan satu pelan Smart**Medic** Shield Plus yang sepadan untuk pilihan lampiran – iaitu SMSP-150 untuk SMS-150-D, SMSP-250 untuk SMS-250-D, dan SMSP-400 untuk SMS-400-D.

³ Tertakluk pada terma dan syarat.

Jadual Caj Insurans Tahunan untuk SmartMedic Shield Plus

Lelaki

Umur Hari Jadi Berikut yang Dicapai	SMSP-150 (RM)	SMSP-250 (RM)	SMSP-400 (RM)
6 - 10	135	190	273
11 - 15	130	169	234
16 - 20	181	233	324
21 - 25	186	239	329
26 - 30	176	226	311
31 - 35	175	222	303
36 - 40	185	235	320
41 - 45	222	281	382
46 - 50	260	331	451
51 - 55	412	524	720
56 - 60	518	660	908
61 - 65	717	914	1,260
66 - 70	1,002	1,276	1,761
71 - 75*	1,482	1,884	2,597
76 - 80*	2,192	2,784	3,835
81 - 85*	2,791	3,546	4,878
86 - 90*	3,504	4,410	6,003
91 - 95*	4,310	5,417	7,226
96 - 99*	5,291	6,591	8,690

^ Pembaharuan untuk semua pelan.

Jadual Caj Insurans Tahunan untuk SmartMedic Shield Plus (Sam'b)

Female

Umur Hari Jadi Berikut yang Dicapai	SMSP-150 (RM)	SMSP-250 (RM)	SMSP-400 (RM)
6 - 10	127	178	255
11 - 15	118	152	216
16 - 20	151	197	282
21 - 25	175	225	319
26 - 30	170	217	307
31 - 35	175	223	314
36 - 40	202	259	362
41 - 45	242	308	432
46 - 50	285	364	513
51 - 55	367	469	661
56 - 60	434	557	791
61 - 65	607	779	1,108
66 - 70	855	1,095	1,556
71 - 75*	1,255	1,602	2,276
76 - 80*	1,846	2,351	3,336
81 - 85*	2,368	3,006	4,260
86 - 90*	2,986	3,750	5,244
91 - 95*	3,689	4,618	6,323
96 - 99*	4,539	5,629	7,612

^ Pembaharuan untuk semua pelan.

Caj insurans pada halaman sebelumnya hanya digunakan untuk kelas pekerjaan 1 & 2 sahaja. Caj insurans kelas pekerjaan 3 & 4 akan disediakan ejen perkhidmatan anda, jika berkenaan. Caj insurans pada halaman sebelumnya akan dikenakan mengikut umur hari jadi berikut yang dicapai, jantina, status merokok, pekerjaan, keadaan kesihatan dan pelan pilihan anda (mana yang berkenaan). Caj insurans adalah tidak dijamin dan mungkin disemak semula dari semasa ke semasa. Sebarang peningkatan caj insurans, jika ada, akan dilakukan pada ulang tahun polisi dan kami akan memaklumkan anda secara bertulis sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum itu.

Soalan lazim

S: Who can apply?

J:	Kategori	Umur Kemasukan	
Hayat yang Diasuranskan	Minimum	6 tahun hari jadi berikut	
	Maksimum	70 tahun hari jadi berikut	

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

S: Berapakah premium yang saya perlu bayar?

J: Rider ini merupakan rider dengan penolakan unit, iaitu caj insurans akan ditolak daripada jumlah nilai pelaburan polisi anda pada setiap bulan. Namun, anda mungkin perlu membayar premium tambahan untuk memastikan kelangsungan polisi, sekiranya jumlah nilai pelaburan polisi anda tidak mencukupi.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

S: Apakah keadaan lazim yang membuatkan SmartMedic Shield Plus boleh ditamatkan?

- J: Keadaan yang lazim termasuk:
- Apabila hayat yang diasuranskan meninggal dunia.
 - Pada ulang tahun polisi apabila hayat yang diasuranskan berumur 80 atau 100 tahun hari jadi berikut, bergantung pada tempoh perlindungan Smart**Medic** Shield yang dipilih.
 - Apabila Smart**Medic** Shield ditamatkan.
 - Apabila polisi asas bagi rider yang dilampirkan telah luput, diserahkan atau ditamatkan.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

S: Adakah saya dilindungi untuk rawatan perubatan yang diterima di luar Malaysia?

J: Anda dilindungi untuk rawatan perubatan yang diterima di luar Malaysia tetapi tertakluk pada maksimum 90 hari berturut-turut jika anda menetap atau melancong di luar Malaysia (kecuali Singapura dan Brunei), serta Bayaran Muna-sabah dan Biasa yang setara dengan rawatan tempatan di Malaysia.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

S: Adakah saya layak untuk menikmati manfaat cukai?

J: Manfaat yang diterima daripada Smart**Medic** Shield Plus tidak dikenakan cukai dan premium yang dibayar mungkin layak mendapat pelepasan cukai. Namun, manfaat cukai tertakluk pada Akta Cukai Pendapatan Malaysia, 1967, dan keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Pengecualian dan Had

(Digunakan untuk Smart**Medic** Shield, Smart**Medic** Shield Extender, dan Smart**Medic** Shield Plus)

Syarikat tidak akan membayar **sebarang** manfaat di bawah rider tersebut disebabkan dan termasuk mana-mana perkara berikut, secara langsung atau tidak langsung:

1. Sakit Sedia Ada;
2. Penyakit Tertentu yang berlaku dalam tempoh 120 hari pertama dari Tarikh Risiko Berkuat Kuasa bagi Smart**Medic** Shield, Smart**Medic** Shield Extender dan/atau Smart**Medic** Shield Plus masing-masing;
3. Sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam tempoh 30 hari pertama dari Tarikh Risiko Berkuat Kuasa bagi Smart**Medic** Shield, Smart**Medic** Shield Extender dan/atau Smart**Medic** Shield Plus masing-masing kecuali Kecederaan;
4. Pembedahan plastik/kosmetik, berkhitan, pemeriksaan mata, bercermin mata dan pembedahan penglihatan dekat melalui pembiasan atau pembedahan (Keratotomy Radial atau Lasik) dan penggunaan atau pemerolehan peralatan atau alatan luaran palsu (kecuali perangsang denyutan jantung, implan defibrilator jantung, alatan palsu seperti alatan pendengaran dan anggota palsu seperti dinyatakan dalam Peralatan Perubatan, jika berkenaan) dan preskripsinya;
5. Keadaan gigi termasuk rawatan pergigian atau Pembedahan mulut, kecuali yang diperlukan kerana Kecederaan pada gigi semula jadi yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam mana-mana Tahun Polisi dan dilakukan seorang Doktor Gigi;
6. Jagaan peribadi (kecuali seperti dinyatakan dalam Jagaan oleh Jururawat di Rumah Selepas Kemasukan Hospital), pemulihan rehat atau penjagaan sanatorium, dadah haram, kemabukan, pensterilan, Penyakit kelamin dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan Penyakit berkaitan HIV serta sebarang Penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin di sisi undang-undang; kecuali penyakit COVID-19 bagi hayat yang diasuranskan dengan vaksin lengkap atau tidak vaksin kerana tidak layak;
7. Sebarang rawatan atau operasi pembedahan untuk Keadaan Kongenital atau kecacatan termasuk penyakit keturunan;
8. Kehamilan, kelahiran anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, pengguguran dan penjagaan serta pembedahan sebelum atau selepas kelahiran, kaedah pencegahan kehamilan kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketidaksuburan. Ketidakfungsian erektile dan ujian atau rawatan yang berkaitan dengan mati pucuk atau pensterilan;
9. Kemasukan Hospital terutamanya untuk tujuan pemeriksaan, diagnosis, pemeriksaan sinar-x, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, yang tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan sebarang rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan seorang Pakar Perubatan, dan rawatan khususnya untuk mengurangkan atau menambah berat badan;
10. Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau Kecederaan yang dilakukan sendiri secara sengaja ketika waras atau tidak waras;
11. Peperangan atau sebarang tindakan perang, sama ada diisytiharkan atau tidak, aktiviti jenayah atau penganas, bertugas secara aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penglibatan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan;
12. Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktif daripada sebarang bahan bakar nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada sebarang bahan senjata nuklear;
13. Perbelanjaan yang ditanggung oleh hayat yang diasuranskan bagi menderma sebarang organ badan dan kos pemerolehan sebarang organ badan untuk didermakan kepada hayat yang diasuranskan termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma semasa pemindahan organ dan komplikasinya;

14. Penyiataan dan rawatan gangguan tidur serta dengkur, terapi penggantian hormon dan terapi alternatif seperti rawatan, perkhidmatan atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad pada khidmat kiropraktik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, pembetulan tulang, rawatan herba, urutan, atau aromaterapi atau rawatan alternatif lain (kecuali seperti dinyatakan dalam Kiropraktik, Terapi Pertuturan atau Terapi Cara Kerja Selepas Kemasukan Hospital atau Pengamal Perubatan Tradisional Cina Selepas Kemasukan Hospital, jika berkenaan);
15. Jagaan atau rawatan yang tidak dikenakan bayaran atau apabila ia boleh dibayar dengan insurans lain atau pampasan yang melindungi hayat yang diasuranskan serta hilang upaya yang terjadi kerana tugas kerja atau profesion yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans Pampasan Pekerja;
16. Sakit jiwa, gangguan mental atau saraf (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya);
17. Kos/perbelanjaan perkhidmatan yang berciri bukan perubatan misalnya televisyen, telefon, perkhidmatan teleks, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak;
18. Hidapan atau Kecederaan akibat daripada sebarang perlumbaan (kecuali perlumbaan dengan kaki), sukan berbahaya yang tidak terhad pada terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan kelengkapan pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti haram;
19. Penerbangan peribadi selain daripada sebagai penumpang yang membayar tambang dalam sebarang syarikat penerbangan komersial berjadual yang dilesenkan untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan;
20. Perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantina;
21. Sebarang rawatan Pesakit Luar yang tidak berkaitan dengan rawatan Pesakit Dalam, kecuali seperti disediakan di bawah Manfaat yang Diinsuranskan; atau
22. Bayaran yang bukan Bayaran Munasabah dan Biasa atau sebarang Pembedahan atau rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan, atau bayaran yang melebihi Bayaran Munasabah dan Biasa, atau bayaran yang ditanggung bagi Kemasukan Hospital, sebelum dan/atau selepas kemasukan hospital selepas Tarikh Tamat Tempoh.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi bagi senarai pengecualian yang penuh di bawah rider tersebut.

Notis penting

Smart**Medic** Shield, Smart**Medic** Shield Extender dan Smart**Medic** Shield Plus merupakan rider perubatan dengan penolakan unit yang boleh dilampirkan pada pelan insurans berkaitan pelaburan dengan premium tetap yang terpilih. **Pelan ini merupakan produk insurans dengan berlandaskan prestasi yang mendasari aset dan bukan suatu produk pelaburan sebenar seperti unit amanah.** Caj insurans yang dikenakan akan ditolak daripada jumlah nilai pelaburan polisi anda secara bulanan. Anda boleh berhenti membayar premium di bawah polisi dan masih menikmati perlindungan selagi terdapat jumlah nilai pelaburan yang mencukupi untuk membayar caj insurans. Namun, terdapat kemungkinan polisi menjadi luput apabila caj yang dikenakan, termasuk caj rider melebihi jumlah nilai pelaburan bagi unit dana yang sedia ada. Pembelian terlalu banyak rider dengan penolakan unit mungkin mengurangkan unit dana.

Anda mempunyai pilihan untuk melampirkan Smart**Medic** Shield Extender dan/atau Smart**Medic** Shield Plus pada pelan insurans berkaitan pelaburan anda; namun, rider tersebut mesti dilampirkan bersama Smart**Medic** Shield. Jika Smart**Medic** Shield Extender dan/atau Smart**Medic** Shield Plus kemudiannya dilampirkan pada pelan insurans berkaitan pelaburan anda selepas perlindungan di bawah Smart**Medic** Shield berkuat kuasa, tahun polisi pertama Smart**Medic** Shield Extender dan/atau Smart**Medic** Shield Plus akan diselaraskan dengan sewajarnya dan menjadi kurang daripada satu tahun. Bagi tahun-tahun yang seterusnya, ulang tahun polisi Smart**Medic** Shield Extender dan/atau Smart**Medic** Shield Plus akan bersamaan dengan ulang tahun polisi Smart**Medic** Shield.

Anda seharusnya berpuas hati bahawa rider tersebut akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan premium yang dibayar di bawah polisi adalah amaun yang anda mampu bayar. Satu tempoh pemerhati bebas selama 15 hari diberi kepada anda untuk meneliti kesesuaian produk Insurans Perubatan dan Kesihatan (MHI) yang baru dibeli. Jika suatu rider dibatalkan dalam tempoh ini, pemilik polisi berhak memperoleh penguatkuasaan semula unit yang ditolak untuk bayaran caj insurans selepas menolak perbelanjaan bersih yang ditanggung untuk pemeriksaan perubatan, jika ada. Jika anda menukar Polisi/Rider Perubatan anda dari sebuah syarikat ke sebuah syarikat lain atau jika anda menukar polisi anda dengan Polisi/Rider Perubatan lain dalam syarikat yang sama, anda dikehendaki menghantar borang cadangan dan penerimaan cadangan anda tertakluk pada terma dan syarat yang akan dikenakan semasa penukaran atau penggantian Polisi/Rider.

Risalah ini hanyalah untuk maklumat am sahaja. Ia bukan suatu kontrak insurans. Anda dinasihatkan untuk merujuk Risalah Pemberitahuan Produk dan contoh dokumen polisi bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri penting dan manfaat pelan sebelum membeli pelan ini. Pengecualian dan had manfaat yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Untuk maklumat lanjut, rujukan harus dibuat pada terma dan syarat seperti dinyatakan dalam polisi yang dikeluarkan Great Eastern Life.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina untuk risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Istilah "Great Eastern Life" dan "Syarikat" merujuk kepada Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Ejen Great Eastern anda atau Customer Service Careline di 1300-1300 88.

PEJABAT CAWANGAN

Alor Setar

66 & 68, Jalan Teluk Wan Jah
05200 Alor Setar, Kedah

Batu Pahat

109, Jalan Rahmat
83000 Batu Pahat, Johor

Bintulu

No.313, Lot 3956, Phase 4
Bintulu Parkcity Commerce Square
Jalan Tun Ahmad Zaidi/
Jalan Tanjung Batu
97000 Bintulu, Sarawak

Ipoh

Wisma GREAT Eastern
16, Persiaran Tugu
Greentown Ave
30450 Ipoh, Perak

Johor Bahru

Wisma GREAT Eastern
02-01, Blok A
Komersil Southkey Mozek
Persiaran Southkey 1
Kota Southkey
80150 Johor Bahru

Klang

No. 8 & 10, Jalan Tiara 2A
Bandar Baru Klang
41150 Klang, Selangor

Kluang

No. 22 & 24
Jalan Md Lazim Saim
86000 Kluang, Johor

Kota Bharu

No. S25/5252-T & U
Jalan Sultan Yahya Petra
15200 Kota Bharu, Kelantan

Kota Kinabalu

Wisma GREAT Eastern
Level 4 & 5, No. 65 Jalan Gaya
88000 Kota Kinabalu, Sabah

Kuala Terengganu

2nd Floor, 6F
Bangunan Persatuan Hin Ann
Jalan Air Jernih,
20300 Kuala Terengganu,
Terengganu

Kuantan

A25, Jalan Dato Lim Hoe Lek
25200 Kuantan, Pahang

Kuching

House No. 51, Lot 435
Section 54, KTLD
Travilion Commercial Centre
Jalan Padungan
93100 Kuching, Sarawak

Lahad Datu

Ground & 1st Floor
MDLD 3804, Lot 66
Fajar Centre, Jalan Segama
91100 Lahad Datu, Sabah
Fax: 089-884 226

Melaka

No. 23, Jalan PM 15
Plaza Mahkota
75000 Melaka

Miri

Lots 1260 & 1261
Block 10, M.C.L.D,
Jalan Melayu
98000 Miri, Sarawak

Penang

25, Light Street
10200 Penang

Sandakan

Lot 5 & 6, Block 40
Lorong Indah 15
Bandar Indah, Phase 7
Mile 4, North Road
90000 Sandakan, Sabah

Seremban

101 & 103, Jalan Yam Tuan
70000 Seremban,
Negeri Sembilan

Sibu

No. 10 A-F
Wisma GREAT Eastern
Persiaran Brooke
96000 Sibu, Sarawak

Taiping

133A, Jalan Barrack
34000 Taiping, Perak

Tawau

Ground Floor
Wisma GREAT Eastern
Jalan Billian
91000 Tawau, Sabah

Mencapai Kejayaan

IBU PEJABAT

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A)

Menara Great Eastern, 303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur

☎ **03-4259 8888**

☎ **03-4259 8000**

✉ **wecare-my@greateasternlife.com**

🌐 **www.greateasternlife.com**

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A) dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang Syarikat.